



**[THE APPLICATION OF AL-QIYĀS BY MUHAMMAD NAWAWĪ AL-BANTĀNĪ
AGAINST THE ATTRIBUTES OF QUDRAH & IRĀDAH ON THE BOOK OF TĪJĀN
AL-DARĀRĪ]**

**APLIKASI AL-QIYAS OLEH MUHAMMAD NAWAWI AL-BANTANI TERHADAP
SIFAT QUDRAH & IRADAH DALAM KITAB TIJAN AL-DARARI**

AHMAD HAFIZ ALI MAKDOM¹ & MOHD HASRUL SHUHARI¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300, Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: hafizahmad507@gmail.com

Received Date: 21 February 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

The scholars of the Archipelago have written various manuscripts related to religion either in Malay Language but written in Jawi alphabet, or in Arabic Language. These manuscripts have been widely spread and used especially for Muslims in the Archipelago, in various fields such as faith, fiqh, tasawwuf and so on. Nevertheless, among the things emphasized by the scholars of the Archipelago are matters involving faith and confidence in Allah SWT and His messenger. These have been proven by the manuscripts of the scholars of the Archipelago, which emphasized on the elements of faith, whether in Malay or Arabic languages, that have been widely printed and studied by the Malay community of the Archipelago. Among the scholars whom famous for his many manuscripts is Muhammad Nawawī bin 'Umar al-Bantānī. He proposed various logical arguments in the form of qiyas in his book, Tījan al-Darārī, in order to relate the belief in the attributes of Allah SWT. However, the method of logic applied does not stand out in a clearer form such as the table between premise and result as implemented by the scholars of logic. Therefore, this paper aims to explain the attributes of Allah SWT that must be believed by every mukallaf, especially the attributes of Qudrah and Irādah. Next is to issue and explain the method of qiyas applied by Shaykh Nawawi al-Bantani, especially on the nature of Qudrah and Irādah through his book Tijan al-Darari. This qualitative study will use the method of content analysis through the book Tijan al-Darari by Nawawī al-Bantānī together with other manuscripts of faith from Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, as well as the description of its qiyas based on the authoritative sources of logic manuscripts. As a result, Nawawī al-Bantānī applied al-qiyas al-iqtirānī and al-qiyās al-sharṭī in describing the first two attributes in the attributes of Ma'ānī, namely Qudrah and Irādah.

Keywords: Nawawi al-Bantani, Tījān al-Darārī, Qudrah, Iradah, Qiyas al-Iqtirani, Qiyas al-Sharti.

Abstrak

Para ulama Nusantara telah mengarang pelbagai karya berkaitan agama sama ada berbahasa Melayu bertulisan jawi mahupun berbahasa arab. Karya-karya tersebut telah tersebar luas dan dimanfaatkan khususnya bagi umat Islam di Nusantara dalam pelbagai bidang seperti akidah, fiqh, tasawwuf dan sebagainya. Walaupun begitu, antara perkara yang ditekankan oleh para ulama Nusantara ialah perkara-perkara yang membabitkan akidah dan keyakinan terhadap Allah SWT dan rasulNya. Buktinya, karya-karya para ulama Nusantara banyak menekankan unsur-unsur akidah sama ada berbahasa Melayu mahupun Arab yang sudah banyak dicetak dan dipelajari oleh masyarakat Melayu Nusantara. Antara ulama yang terkenal dengan banyak karyanya ialah Muhammad Nawawī bin ‘Umar al-Bantānī. Beliau mengemukakan pelbagai hujah mantik berbentuk qiyas dalam karyanya iaitu Tījan al-Darārī untuk mensabitkan keyakinan terhadap sifat-sifat Allah SWT. Namun, kaedah mantik yang diaplikasikan tidak menonjol dalam bentuk yang lebih jelas seperti jadual antara premis dan natijah sebagaimana dilaksanakan oleh para ulama mantik. Usteru, makalah ini bertujuan untuk menerangkan sifat-sifat Allah SWT yang wajib dipercayai oleh setiap mukallaf khususnya sifat Qudrah dan Irādah. Seterusnya, mengeluarkan serta menjelaskan kaedah qiyas yang diaplikasikan oleh Shaykh Nawawi al-Bantani khususnya pada sifat Qudrah dan Irādah menerusi karyanya Tījan al-Darari. Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan menerusi kitab Tījan al-Darari karya Nawawī al-Bantānī serta karya-karya akidah yang lain daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah serta huraian qiyasnya berdasarkan karya-karya mantik yang muktabar. Hasilnya, Nawawī al-Bantānī mengaplikasikan al-qiyas al-iqtirānī dan al-qiyās al-sharṭī dalam menghuraikan dua sifat pertama dalam sifat Ma‘ānī iaitu Qudrah dan Irādah.

Kata kunci: Nawawi al-Bantani, Tījan al-Darārī, Qudrah, Iradah, Qiyas al-Iqtirani, Qiyas al-Sharti..

Cite as: Ahmad Hafiz Ali Makdom & Mohd Hasrul Shuhari. 2022. [The Application of Al-Qiyās by Muhammad Nawawī Al-Bantānī against The Attributes of Qudrah & Irādah on The Book of Tījan Al-Darārī] Aplikasi Al-Qiyas oleh Muhammad Nawawi Al-Bantani terhadap Sifat Qudrah & Iradah dalam Kitab Tījan Al-Darari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 129-144.

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sudah tersebar luas di Nusantara ini khususnya di Malaysia. Penyebaran agama Islam juga telah meluas ke seluruh pelusuk Nusantara hasil usaha dan titik peluh daripada para ulama Nusantara. Tambahan lagi, agama Islam menjadi kuat dan teguh dengan pengajaran ilmu-ilmu Islam di nusantara di masjid-masjid, pondok-pondok dan sebagainya di Nusantara sama ada secara langsung ataupun tidak langsung menerusi karya-karya agung mereka (Sholeh & Siti Rugayah, 2013). Para ulama Nusantara terkenal sejak mereka belajar di luar negara lagi terutamanya di negeri Mekah yang menjadi salah satu pusat penyebaran ilmu suatu masa dahulu. Antara para ulama silam nusantara yang memberikan sumbangan yang besar kepada umat Islam nusantara ialah Shaykh Shams al-Dīn Sumatera, Shaykh Nur al-Dīn al-Rānirī, Shaykh Muḥammad Mafūz al-Tarmasī, Shaykh Muḥammad Arshad al-Banjārī, Shaykh Muḥammad Nawawī al-Bantānī dan sebagainya (Mohd Fikri et al., 2013).

Karya para ulama nusantara sama ada jawi ataupun arab banyak yang sudah bercetak dan dijual tanpa menafikan sebahagian daripada karya-karya mereka yang masih berbentuk manuskrip bertulisan tangan. Shaykh Muḥammad Nawawī al-Bantānī merupakan tokoh ulama nusantara yang memiliki banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu Islam dengan bahasa arab. Oleh itu, makalah ini akan menfokuskan salah satu karya Usuluddin Shaykh Nawawī al-Bantānī iaitu Tījān al-Darārī Sharḥ Risālah al-Tawḥīd li al-Imām al-Bayjūrī khususnya berkaitan sifat Qudrah dan Irādah serta dalilnya. Makalah ini menfokuskan kepada dua sifat ini sahaja kerana ia merupakan sifat yang amat berkait rapat secara langsung dengan keberadaan dan ketiadaan makhluk ini tanpa menafikan sifat ilmu dan Ḥayāh juga memberi peranan terhadap kedua-duanya yang tersebut itu.

BIOGRAFI: SHAYKH MUḤAMMAD NAWAWĪ AL-BANTĀNĪ

Nama lengkap Shaykh Nawawī al-Bantānī ialah Abū ‘Abd al-Mu‘ṭī Muḥammad Nawawī bin ‘Umar bin ‘Arabi al-Tanārī al-Bantānī al-Jāwī. Beliau dilahirkan di kawasan Jawa Barat iaitu Desa Tanara, Tirtayasa, Banten pada tahun 1815M (Islah et al., 2014 & Umar, 1982). Jubaidah merupakan nama ibunya yang juga merupakan penduduk asal Tanara, Jawa daripada keturunan ayahnya. Shaykh Nawawī al-Bantānī merupakan keturunan Maulana Hasnuddin yang merupakan pencetus kepada pembukaan kerajaan Islam di daerah Banten atas perintah ayahnya yang bernama Shaykh Sharīf Hidayah Allah ataupun dikenali sebagai Sunan Gunung Jati Cirebon (Iwantoro, 2019). Beliau wafat pada tarikh 25 Syawal tahun 1897M ketika berusia 84 tahun. Makam beliau terletak di Ma’la, Mekah yang berdekatan dengan makam Siti Khadijah iaitu isteri nabi Muhammad SAW (Faiqah, 2015).

Shaykh Nawawī al-Bantānī memiliki empat adik-beradik iaitu Abdullah Tamim yang merupakan adik-beradik kandung lelaki dan Syakila dan Syahriya yang merupakan adik-beradik kandung perempuannya (Samsul Munir, 2009). Kehadiran beliau di negeri Mekah menjadikan martabat para ulama nusantara dipandang tinggi oleh para ulama seantero dunia khususnya ulama bangsa Arab. Kehebatan beliau sebagai ulama yang berpengaruh di sana sehingga digelar sebagai ‘Sayyid Ulama Hijaz’ yang bermaksud Penghulu Ulama Hijaz iaitu Mekah dan Madinah (Samsul Munir, 2008).

Menjadi adat para ulama terdahulu sama ada bangsa Arab mahupun Melayu dari sudut pendidikan dan pengajian akan bermula daripada ketua keluarga dahulu sebelum melanjutkan pembelajarannya kepada ulama lain. Begitu juga yang berlaku kepada tokoh nusantara ini iaitu Shaykh Nawawī al-Bantānī di Desa Tanara. Beliau mula mendalami ilmu agama sejak kecil di bawah pendidikan ayahnya iaitu Shaykh ‘Umar bin ‘Arabi pada umur lima tahun (Karel A., 1984). Shaykh Nawawī mempelajari pelbagai cabang ilmu Islam bersama ayahnya merangkumi ilmu bahasa Arab, fiqh, tauhid, tafsir dan sebagainya. Kemudian, beliau dan dua adiknya iaitu Ahmad dan Tamim meneruskan pengajian ilmu agamanya kepada para ulama lain di Nusantara umpama Kiyai Sahal yang terletak di daerah Banten dan Kiyai Yusuf yang berada di Purwakarta (Yasin 2007; Widiyarti et al., 2021).

Menurut Salman Harun (2000), Shaykh Nawawī al-Bantānī telah menunaikan ibadah haji di Tanah Suci bersama dua orang adiknya dan pada saat itu beliau sudah mengajar ramai orang sebelum mencapai usianya 15 tahun. Apabila beliau sampai ke Mekah dan selesai menunaikan kewajiban ibadah haji di sana, beliau tidak langsung pulang ke Banten. Sebaliknya,

jiwa keilmuan beliau semakin membuak dan gemilang apabila beliau menjumpai para ulama besar di Tanah Suci tersebut. Oleh itu, beliau meneruskan pengajiannya dengan menuntut ilmu bersama dengan para ulama besar di Mekah sama ada berkelahiran Indonesia dan selainnya. Antara para ulama yang beliau menimba ilmu dan bertalaqqi di sana ialah Shaykh ‘Abd al-Ghanī Bīmā, Shaykh Yūsuf Sumbulaweni, imam Masjid al-Ḥarām iaitu Shaykh Ahmad Khatib Sambas, Shaykh Aḥmad al-Dimyātī, Shaykh Aḥmad Zaynī Daḥlān, Shaykh Muḥammad Khaṭīb Ḥambalī, Shaykh ‘Abd al-Ḥamīd Daghestani dan sebagainya (Karel A., 1984).

Setelah puas menimba ilmu pengetahuan agama di negeri Mekah, beliau kembali ke desanya Tanara untuk menyebarkan ilmu agama lebih luas berbanding sebelumnya. Oleh sebab itu, semua penuntut ilmu di sekitar itu berhajat untuk berguru dengan beliau dalam mempelajari cabang-cabang ilmu Islam seperti bahasa Arab, tafsir, fiqh, tauhid dan sebagainya. Pemerintah daripada penjajah Belanda ketika itu tidak menyenangi keadaan di Tanara dengan keberadaan Shaykh Nawawī al-Bantānī yang mempunyai ramai anak murid. Oleh sebab itu, kegiatan beliau sentiasa dipantau oleh pemerintah Belanda sehingga menjadi faktor utama beliau pulang kembali ke Mekah sekitar tahun 1855M. Beliau menetap di perkampungan Shi‘ab ‘Ālī dan tidak pernah sama sekali pulang ke tanah air setelah kejadian tersebut bahkan sibuk melatih dan menyebarkan ilmu kepada anak murid nusantara di Mekah agar balik ke tanah air masing-masing menjadi seorang ulama yang mampu membimbing umat secara zahir dan batin (Ahmad Syatibi, 2004).

Manurut Ma’ruf Amin (t.th), Shaykh Nawawī al-Bantānī mempunyai ramai anak murid yang keluar menjadi ulama besar di tempat masing-masing. Antara anak murid beliau yang terkenal lagi pula berasal daripada Indonesia ialah Aryad Tawil (Banten Serang), Abdul Ghaffar (Tirtayasa Serang), Sapiuddin (Barugbug Serang) Hasyim Asy’ari (Tebu Ireng Jombang), Khalil Bangkalan Madura, Raden Asnawi Kudus, Tubagus Muhammad Asnawi Caringin dan sebagainya. Perkara ini menunjukkan kehebatan Shaykh Nawawī al-Bantānī sebagai ulama nusantara yang gemilang dalam melahirkan generasi ulama yang bakal menyinari tanah air masing dengan ilmu-ilmu Islam.

Di samping beliau mempunyai ramai anak murid yang berkaliber, beliau juga memiliki karya-karya yang cukup banyak dalam pelbagai bidang ilmu sehingga digelar di Indonesia sebagai ‘Bapak Kitab Kuning’ (Chaedar Alwasilah, 2006). Antara karya-karya beliau yang berjaya dikarang adalah sepertimaa berikut (Mohd Fikri et al., 2013; Widiyarti, 2021):

a. Tauhid:

- 1) Tījān al-Darārī ‘alā Risālah al-Tawḥīd li al-Imām al-Bayjūrī.
- 2) Dhari‘ah al-Yaqīn ‘alā Umm al-Barāhīn.
- 3) Faṭḥ al-Majīd Sharḥ al-Dur al-Farīd.
- 4) Qāmi‘ al-Ṭughyān ‘alā Manzūmāt Shu‘ab al-Imān.
- 5) Qatr al-Ghayth Sharḥ Masā’il Abī al-Laith.
- 6) Nūr al-Zalām Sharḥ ‘Aqidah al-‘Awam.
- 7) Al-Futuḥāt al-Madaniyyah Sharḥ Shu‘ab al-Īmāniyyah.
- 8) Al-‘Aqd al-Thamīn Sharḥ Bayān Masā’il al-Dīn.
- 9) Hidāyah al-Ṣibyān ‘alā Faṭḥ al-Raḥmān.

b. Fiqh:

- 1) Sullam al-Munājah Sharḥ Safīnah al-Ṣalah.
- 2) Nihāyah al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn Sharḥ 'alā Qurrah al-'Ayn bi Muhimmāt al-Dīn.
- 3) Kāshifah al-Saja Sharḥ Safīnah al-Najā.
- 4) Mirqāh al-Ṣu'ūd al-Taṣdīq fī Sharḥ Sullam al-Tawfīq.
- 5) Al-Thimār al-Yāni'ah fī Sharḥ Al-Riyāḍ al-Baḍī'ah fī Ūsūl al-Dīn wa Ba'ḍ Furū' al-Sharī'ah.
- 6) Faṭḥ al-Mujīb Sharḥ 'alā al-Sharḥ al-Manāsik.
- 7) Sulūk al-Jaddah Sharḥ 'alā Risālah al-Muhimmah bi Lam'ah al-Mafādah fī Bayān al-Jum'ah wa al-Mu'addah.
- 8) Qūt al-Ḥabīb al-Gharīb Tawshīḥ 'alā Faṭḥ al-Qarīb al-Mujīb Sharḥ al-Ghāyah wa al-Taqrīb.
- 9) Bahjah al-Wasā'il Sharḥ 'alā al-Risālah al-Jāmi'ah Bayn al-Uṣūl wa al-Fiqh wa al-Taṣawwuf.

c. Tasawwuf:

- 1) Marāqī al-'Ubūdiyyah Sharḥ Bidāyah al-Hidāyah.
- 2) Salālim al-Fuḍalā' Sharḥ Manẓumah al-Hidayah al-Adhkiya' ilā Ṭarīq al-Awliya'.
- 3) Miṣbāḥ al-Zalām 'alā Minhāj al-Atam fī Tabwīb al-Ḥikam.

d. Bahasa Arab:

- 1) Faṭḥ al-Ghāfir al-Khaṭiyyah Sharḥ 'alā Naẓm al-Ājurumiyyah.
- 2) Lubāb al-Bayān fī 'Ilm al-Bayān.
- 3) Kashf al-Marūṭiyyah 'an Sattār al-Ājurumiyyah.
- 4) Fuṣūṣ al-Yāqutiyyah Sharḥ 'alā Rawḍah al-Bahiyyah fī Abwāb al-Taṣrīfiyyah.
- 5) Al-Riyāḍ al-Qawliyyah.

e. Al-Quran & Hadith:

- 1) Tafsīr al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl al-Mufasssir 'an Wujūh Maḥāsin al-Ta'wīl.
- 2) Ḥilyah al-Ṣibyān Sharḥ Faṭḥ al-Raḥmān fī Tajwīd al-Qurān.
- 3) Nasā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfāẓ Munabbihāt 'alā al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād.
- 4) Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth fī Sharḥ Lubāb al-Hadīth.

Berdasarkan karya-karya Nawawī al-Bantānī yang disebutkan di atas dapat diketahui bahawa beliau merupakan ulama yang menguasai pelbagai bidang selain daripada akidah. Di samping itu, karya yang berkaitan dengan akidah dan fiqh antara yang paling banyak ditulis oleh beliau untuk manfaat umat Islam secara umum..

SIFAT QUDRAH & IRĀDAH DALAM TĪJĀN AL-DARĀRĪ

Ṭijān al-Darārī Sharḥ Risalah al-Tawḥīd li al-Bayjūrī merupakan salah satu karya akidah yang agung milik Nawawī al-Bantānī dalam menghuraikan tauhid Sifat 20. Beliau mensyarahkan salah satu matan hasil penulisan Ibrāhīm al-Bayjūrī iaitu *Risalah al-Tawḥīd* yang ringkas dan padat. Sepertimana maklum bahawa perbahasan utama dalam tauhid mengandungi tiga aspek iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara ghaib. Namun Nawawī al-Bantānī hanya mengkhususkan perbahasan tauhid dari dua aspek utama sahaja iaitu ketuhanan dan diiringi dengan kenabian sepertimana disusun oleh al-Bayjūrī tanpa melakukan penambahan dari sudut perkara-perkara ghaib. Sebelum beliau membahaskan dengan terperinci dua aspek tersebut, beliau serta al-Bayjūrī menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan hukum akal. Nawawī al-Bantānī menghuraikan pendalilan terhadap setiap sifat tuhan dan nabi dengan mengaplikasikan pelbagai *al-qiyās* dalam membuktikan kebenarannya. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan secara fokus berkaitan dua sifat *Ma'ānī* sahaja iaitu *Qudrah* dan *Irādah*.

a) Sifat Qudrah

Sifat *Ma'ānī* merupakan sebahagian daripada sifat-sifat Allah SWT yang empat iaitu *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma'ānī* dan *Ma'nawiyyah* (Dawūd al-Faṭānī, t.th). Pensabitan sifat *ma'ānī* ini menjadi titik perbezaan antara Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan kelompok ahli bid'ah yang lain seperti Muktazilah yang berkeyakinan bahawa Allah SWT mustahil untuk disabitkan padaNya sifat-sifat *Ma'ānī*. Hal ini kerana kelompok Muktazilah ini menyatakan bahawa mustahil berlaku banyak perkara *qadīm* di tuhan iaitu satu zat dan banyak sifat bahkan Allah SWT berkuasa, berkehendak, melihat dan sebagainya dengan zat sahaja tanpa dikaitkan dengan sifat-sifat *Ma'ānī* (al-Bayjūrī, 2012). Sifat *Ma'ānī* yang paling dominan untuk disebutkan terlebih dahulu terbahagi kepada dua jalan iaitu *sabīl al-tadallī* (memulakan perbahasan sifat *Ma'ānī* dengan sifat *Qudrah*) dan *sabīl al-taraqqī* (memulakan perbahasan sifat *Ma'ānī* dengan sifat *Hayāh*). Majoriti ulama mengaplikasikan *sabīl al-tadallī* dengan mengutamakan sifat *qudrah* terlebih dahulu kerana perkaitannya antara sifat *Salbiyyah* yang terakhir iaitu *Wahdāniyyah* (keesaan) pada perbuatan Allah SWT. Apabila menyebutkan tentang perbuatan Allah SWT maka sudah pasti ia berkait rapat dengan mengadakan sesuatu selepas tiada atau meniadakan sesuatu selepas ada melalui sifat *Qudrah* Allah SWT (al-Bantānī, t.th; al-Suhaymī, t.th).

Begitu juga yang berlaku pada matan *Risalah al-Tawḥīd* yang dikarang oleh Ibrāhīm al-Bayjūrī juga mengaplikasikan konsep *sabīl al-tadallī* (memulakan perbahasan sifat *Ma'ānī* dengan sifat *Qudrah*). Shaykh Nawawī al-Bantānī juga tidak memberikan komentar yang mendalam terhadap janaan ini dalam syarahannya terhadap matan tersebut iaitu *Ṭijān al-Darārī*. Hal ini kerana karya ini merupakan antara silibus pengajian tauhid yang perlu dipelajari bagi para pelajar yang baru sahaja memulai pengajiannya dalam bidang tauhid. Oleh sebab itu, perbahasan yang mendalam dan rumit tidak menjadi satu kepentingan untuk pelajar yang baru belajar melainkan memahami terlebih dahulu isi kandungan tauhid dan perbahasan yang akan dibahaskan berkenaan ketuhanan, kerasulan dan sebagainya.

Shaykh Nawawi al-Bantānī memulakan perbahasan dan syarahan sifat *Qudrah*Nya dengan menyatakan takrif yang membezakan antara sifat *qudrah* sebagai sifat *Ma'ānī* dengan

sifat *Ma'ānī* yang lain sepertimana yang dibuat oleh pengarang matannya iaitu Ibrāhīm al-Bayjūrī. Beliau mentakrifkan sifat *Qudrah* sebagai satu sifat yang ada lagi pula *qadīm* serta berada dan sabit di zat Allah SWT yang mengadakan dan meniadakan setiap perkara *mumkin* (perkara yang harus pada akal sabit dan nafinya). Al-Bayjūrī (t.th) menyatakan bahawa pentakrifan segala sifat-sifat Allah SWT bukanlah berdasarkan takrif *bi al-ḥad* menurut istilah ulama mantik bahkan hanya boleh ditakrifkan berlandaskan takrif *bi al-rasm*. Hal ini kerana manusia tidak dapat mengetahui hakikat zat Allah SWT dan segala sifatNya yang sebenar secara tepat sedangkan takrif *bi al-ḥad* terbina atas hakikat sesuatu perkara secara tepat.

Al-Damanhūrī (2015) menyatakan bahawa cara untuk mendefinisikan sesuatu itu terbahagi kepada lima bahagian. Pertama, definisi secara *al-ḥad al-tām* dengan mengaplikasikan *al-jins al-qarīb* dan *al-faṣl al-qarīb* sebagai elemen utama dalam membina takrif bahagian ini seperti takrif manusia ialah haiwan yang berakal. Maka 'haiwan' disebutkan sebagai *al-jins* bagi takrif kerana memasukkan segala jenis perkara yang mempunyai sifat *ḥayāh* manakala 'yang berakal' dimuatkan dalam kategori *al-faṣl* kerana dia yang memisahkan dan membezakan antara semua jenis haiwan yang ada. Seterusnya definisi secara *al-ḥad al-nāqis* di mana hanya mengandungi *al-faṣl* sahaja tanpa wujud *al-jins* dalam pentakrifan sesuatu. Contohnya, mentakrifkan manusia dengan zat yang berakal sahaja tanpa dikaitkan dengan haiwan. Bukan itu sahaja, bahkan takrif ini juga boleh mempunyai *al-jins* akan tetapi tidak secara langsung dan tepat dan dipanggilkan sebagai *al-jins al-ba'īd* seperti ditakrifkan manusia dengan jisim yang berakal. Perkataan jisim itu umum meliputi benda-benda yang tidak mempunyai sifat *ḥayāh* mahupun sebaliknya (Al-Quwaysīnī, t.th).

Bahagian yang ketiga dalam membina takrif kepada sesuatu ialah *al-rasm al-tām* iaitu pentakrifan berdasarkan *al-jins al-qarīb* dan elemen *al-khaṣṣah* seperti mendefinisikan manusia sebagai haiwan yang ketawa. Haiwan itu menjadi *al-jins al-qarīb* kerana mengeluarkan jenis benda yang tiada sifat *ḥayāh* padanya manakala 'yang ketawa' itu menunjukkan sifat tertentu yang hanya disabitkan kepada manusia kerana jenis haiwan yang selainnya tidak dapat dikategorikan sebagai ketawa. Selain itu, pentakrifan secara *al-rasm al-nāqis* juga turut diaplikasikan oleh para ulama mantik sebagai kaedah pendefinisian sesuatu dengan menyatakan elemen *al-khaṣṣah* sahaja. Contohnya, ditakrifkan manusia dengan suatu zat yang ketawa sahaja. Bukan itu sahaja, bahkan pentakrifan *al-rasm al-nāqis* juga dapat dibina dengan gabungan *al-khaṣṣah* dan *al-jins al-ba'īd* seperti pentakrifan manusia dengan jisim yang ketawa. Akhir sekali, para ulama mantik juga menukarkan suatu lafaz dengan kata seerti dengannya sebagai takrif *bi al-lafẓī* (takrif secara lafaz) seperti lafaz *ghaḍanfar* dengan makna singa (al-Urmī, 2015).

Setelah Shaykh Nawawī al-Bantānī menyatakan berkenaan dengan takrif sifat *Qudrah* Allah SWT, beliau menjelaskan dalam *Tījān al-Darārī* berkenaan dengan tujuh *ta'alluq*. *Ta'alluq* dalam sifat *Ma'ānī* membawa makna perkaitan sifat dengan sesuatu seperti sifat *qudrah* berkait dengan perkara *mumkināt* (harus pada akal pensabitan dan penafiannya) (al-Sharqāwī, 2013). Shaykh Nawawī al-Bantānī menjelaskan *ta'alluq qudrah* secara terperinci tanpa menjelaskan terlebih dahulu *ta'alluq*nya secara umum sepertimana sebahagian para ulama *mutakallimīn* huraikan. Al-Laqānī (2019), al-Dusūqī (2012) umpamanya menghuraikan *ta'alluq* bagi sifat *qudrah* secara umum dengan dua *ta'alluq* sahaja untuk memudahkan kefahaman secara *ijmālī* terlebih dahulu.

Walaupun begitu, huraian secara *tafṣīlī* dalam karya tersebut sinonim dengan huraian

dalam *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id* karya Aḥmad al-Faṭānī (t.th) yang mengetengahkan perbahasan secara terperinci dalam perbahasan *ta'alluq Qudrah*. Tambahan lagi, sebahagian ulama menghuraikan *ta'alluq Qudrah* ini secara umum dan khusus kesemuanya berdasarkan huraian para ulama *mutakallimīn* (Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī, t.th). Perbincangan berkenaan dengan *ta'alluq* ini membezakan antara sifat *ma'ānī* dengan segala sifat Allah SWT yang lain. Oleh sebab itu, sifat *Ma'ānī* ini disebutkan juga sebagai sifat yang *zāidah* (tambahan) pada zat dengan makna pensabitan sifat *Ma'ānī* bukan sekadar menunjukkan adanya sifat *ma'ānī* di zat Allah SWT bahkan mempunyai kaitan dan fungsi yang lain menerusi setiap sifat *ma'ānī*. Umpamanya sifat *Qudrah* ini dinamakan *ta'alluq*nya sebagai *īthār* iaitu memberi kesan terhadap keberadaan dan ketiadaan sesuatu makhluk (al-Sumbāwī, t.th).

Shaykh Nawawī al-Bantānī (t.th) menghuraikan tujuh *ta'alluq Qudrah* secara terperinci dalam karyanya sepertimana berikut:

- a) Ṣalūhī qadīm: kebolehan dan kemampuan Allah SWT untuk mengadakan dan meniadakan makhluk pada waktu *imkān* (waktu yang membolehkan ada makhluk).
- b) Tanjīzī ḥadīth:
 - i. Mengadakan makhluk selepas daripada tiada.
 - ii. Meniadakan makhluk selepas daripada ada.
 - iii. Mengadakan semula makhluk dengan membangkitkannya semula daripada kubur.
- c) Ta'alluq al-qabḍiyyah:
 - i. Berterusan tiada makhluk pada waktu *imkān* (waktu yang membolehkan ada makhluk)
 - ii. Berterusan ada makhluk pada waktu adanya makhluk selepas tiada.
 - iii. Berterusan tiada makhluk pada waktu tiada makhluk selepas ada.

Ta'alluq al-qabḍiyyah ini menunjukkan keselarian dengan kehendak Allah SWT dengan sekira-kira jikalau Allah SWT berkehendak untuk mengekalkan keadaannya maka akan terjadi sedemikian dan jika Allah SWT berkehendak sebaliknya maka turut berlaku sepertimana yang telah dikehendakiNya. Hal ini menunjukkan semua perkara yang baharu daripada jin, manusia pokok, laut, ikan, gajah dan sebagainya tiada pada waktu azali kecuali hanya ada zat Allah SWT sahaja. Kemudian, Shaykh Nawawī al-Bantānī menyatakan lawan bagi sifat *qudrah* beserta dalilnya untuk menguatkan keyakinan terhadap ada dan sabitnya sifat tersebut pada zat Allah SWT tanpa ragu-ragu.

b. Sifat Irādah

Perbahasan sifat *Ma'ānī* secara *sabīl al-tadallī* (memulakan perbahasan sifat *Ma'ānī* dengan sifat *Qudrah*) akan membahaskan sifat *Irādah* selepas daripada sifat *Qudrah* (al-Suktānī, 2021). Terdapat dua faktor pendekatan yang dibuat oleh para ulama dalam menghubungkan dan mengaitkan antara sifat *Qudrah* dan *Irādah*. Pertama, perbahasan *ta'alluq* dalam sifat *Irādah* juga sekitar perkara *mumkināt* (Perkara yang boleh ada dan tiada) di mana ia serupa dengan

ta'alluq sifat *Qudrah* sebelumnya (al-Sanūsī, 2013). Bukan itu sahaja, bahkan Allah SWT tidak akan mencipta sesuatu dengan sifat *Qudrah*nya melainkan sudah ditentukan dengan kehendak Allah SWT sejak azali. Mustahil pada akal untuk menerima kewujudan dan ketiadaan sesuatu tanpa berkait rapat dengan kehendak Allah SWT kerana itu membawa kepada kelemahan. Pembuktian terhadap kaitan sifat *Irādah* dan *Qudrah* ini dikuatkan lagi dalil *al-qiyās* dalam sifat *Irādah* yang ditonjolkan oleh Shaykh Nawawī al-Bantānī dalam *Tijān al-Darārī* ini.

Secara keseluruhannya, Nawawī al-Bantānī membahaskan sifat *Irādah* kepada empat bahagian iaitu definisi, lawan bagi sifat tersebut, perbezaan antara *Irādah*, *reda* dan ilmu serta dalil untuk menguatkan pensabitan sifat *Irādah* pada zat Allah SWT. Beliau mentakrifkan sifat *Irādah* ini sebagai satu sifat yang *qadīm* lagi pula ada di zat Allah SWT serta menentukan secara khusus terhadap perkara *mumkināt* (perkara yang boleh ada dan tiada) kepada sebahagian perkara yang dikehendaki Allah SWT. Takrif ini berlaku sepertimana definisi yang dibina oleh para ulama *mutakallimīn* yang lain dalam membentangkan hakikat sifat *Irādah* Allah SWT. Namun, sebahagian ulama seperti 'Abd al-Salām (t.th) menambahkan 'sifat yang *zāidah* (tambahan)' pada zat Allah SWT untuk menunjukkan perbezaan antara sifat *ma'ānī* dengan sifat-sifat Allah SWT yang lain.

Perkataan '*qadīm*' ini untuk menolak pandangan Karrāmiyyah yang menyatakan bahawa sifat *Irādah* Allah SWT ini baharu. Perkara baharu tidak boleh disabitkan dan dikaitkan terhadap zat dan sifat-sifat Allah SWT sama sekali. 'Sifat yang ada pada zat Allah SWT' ini dibina dalam takrif kerana untuk mengkritik hujah Muktazilah daripada al-Jubbā'ī dan al-Najjār. Hal ini kerana al-Jubbā'ī mengatakan bahawa sifat *Irādah* ini ada namun bukan sabit pada zat. Adapun al-Najjār dan orang yang muafakat dengan pandangannya mengatakan sifat *Irādah* ini ialah sifat salbiyyah dengan menafsirkan sifat *Irādah* sebagai keadaan zat yang mencipta itu tidak terpaksa atau tidak lalai. Perkara ini dikritik kerana sifat *Salbiyyah* ini bukan termasuk kategori sifat yang ada di zat Allah SWT. Tambahan lagi, menentukan perkara *mumkināt* kepada sebahagian perkara yang dikehendaki Allah SWT dalam takrif ini menunjukkan secara khusus kepada *ta'alluq tanjīzī qadīm* tanpa menafikan pensabitan *ta'alluq ṣalūhī qadīm* (Muḥammad Muḥyi al-Dīn, 2019).

Perkara *mumkināt* yang boleh bagi Allah SWT menghendakinya terbahagi kepada enam. Al-Bayjūrī (2019) menyatakan Allah SWT boleh menentukan sesuatu itu sama ada ada ataupun tiada. Bukan itu sahaja, bahkan Allah SWT boleh menentukan sifat-sifat tertentu kepada perkara *mumkināt* tersebut sama ada sesuatu itu bersifat putih, hijau dan sebagainya. Seterusnya, pada perkara *mumkināt* tersebut juga Allah SWT boleh menetapkan masa tertentu terhadap keberadaan dan ketiadaan makhluk tersebut sama ada pada waktu siang, malam dan sebagainya. Allah SWT juga mampu untuk menentukan makhluk tersebut dari sudut tempat, arah dan kadar yang tertentu berdasarkan kehendak Allah SWT.

Sifat mustahil dinyatakan secara langsung selepas pendefinisian terhadap sifat *Irādah* Allah SWT tanpa menjelaskan berkenaan dengan *ta'alluq*nya sepertimana berlaku pada perbincangan sifat *Qudrah*. *Ta'alluq* sifat *irādah* atas pandangan muktamad terbahagi kepada dua bahagian iaitu *ṣalūhī qadīm* dan *tanjīzī qadīm* tanpa mensabitkan *tanjīzī ḥādīth*. *Ṣālūhī qadīm* ialah kebolehan dan kemampuan untuk Allah SWT menentukan sejak azali pada yang harus baginya sedangkan *tanjīzī ḥādīth* itu penentuan tersebut berlaku secara langsung sejak azali terhadap perkara *mumkināt* tersebut dan penentuan tersebut selari dengan pengetahuan Allah SWT (al-Bayjūrī, 2017).

Perbahasan seterusnya disambung dengan pertalian antara *Irādah*, ilmu, reda dan suruhan. Beliau mengemukakan pertalian ini menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sahaja tanpa menjelaskan perbezaannya dengan kelompok Muktazilah. Hal ini berkemungkinan untuk menerapkan pada peringkat awal keyakinan yang dipegang oleh kelompok akidah yang selamat supaya tidak terkeliru dengan hujah puak ahli bid'ah yang lain. Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, kehendak Allah SWT itu lain daripada ilmu, reda dan suruhan Allah SWT. Pertamanya, Allah SWT kadang-kadang berkehendak perkara tersebut, menyuruh untuk membuatnya serta meredai perbuatan tersebut seperti keimanan yang sabit pada umpama Abu Bakr al-Ṣiddīq. Perkara ini boleh disebutkan sebagai wajib *lighayrihi* (kerana suatu perkara yang lain) kerana keimanan Abu Bakr al-Ṣiddīq ini sudah berada di bawah pengetahuan Allah SWT dan *ta'alluq irādahnya* akan berlaku apabila sampai waktunya. Sebaliknya, jika perkara tersebut tidak berlaku pada waktunya sedangkan perkara tersebut sudah berada dalam ilmu Allah SWT maka kejadian sebegitu disebutkan sebagai mustahil *lighayrihi* (al-Bantānī, t.th).

Kedua, Allah SWT kadang-kadang tidak berkehendak perkara tersebut berlaku lagi pula tidak reda dan tidak menyuruhnya seperti kekufuran yang berlaku kepada Abu Bakr al-Ṣiddīq. Seterusnya, menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah lagi, kadang-kadang Allah SWT berkehendak seseorang itu kufur namun tidak disuruh dan tidak reda oleh Allah SWT seperti kekufuran yang berlaku pada Firaun, Haman dan Qarun di bawah *ta'alluq* pengetahuan Allah SWT. Akhir sekali, Allah SWT kadang-kadang tidak berkehendak akan tetapi menyuruh perkara tersebut seperti keimanan yang berlaku pada Firaun, Haman dan Qarun (al-Nawawī, t.t). Kesemua empat bahagian yang tersebut itu dijelaskan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Adapun Muktazilah beranggapan bahawa suruhan itu selari dengan *ta'alluq* kehendak Allah SWT bukannya dengan ilmu. Maka, menurut mereka Allah SWT tidak akan berkehendak sesuatu perkara melainkan apa yang sudah Dia perintahkan seperti iman, taat dan sebagainya sama ada perkara itu berlaku ataupun sebaliknya. Ini menyebabkan kecatatan terhadap makhluk yang di bawah kuasa Allah SWT kerana berlaku sesuatu tanpa menerusi kehendakNya yang agung sedangkan kesemua makhluk walaupun sebesar zarah sekalipun berhajat kepada *ta'alluq Irādah* Allah SWT (al-Laḡānī, 2019).

APLIKASI AL-QIYĀS TERHADAP SIFAT QUDRAH DAN IRĀDAH DALAM TĪJĀN AL-DARĀRĪ

Mantik secara umumnya merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan dalam Islam. Ia dikategorikan sebagai salah satu ilmu alat yang utama untuk memastikan seseorang berfikir dengan cara yang tepat tanpa berlaku penyelewengan. Namun begitu, menjadi perdebatan dalam kalangan ulama terhadap keharusan mendalami mantik yang bercampur dengan unsur falsafah. Al-Nawawī dan al-Suyūṭī menegaskan pengharaman mendalami mantik yang terdapat campuran perbahasan falsafah. Pandangan kedua mengatakan harus mempelajarinya secara mutlak meskipun bercampur aduk dengan perbahasan falsafah. Walaupun begitu, pandangan yang terpilih ialah harus mempelajarinya dengan syarat seseorang itu telah mahir dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah supaya bebas daripada kegelinciran (Al-Quwaysinī, 2020). Subjek utama dalam perbahasan mantik ialah al-qiyās kerana ia merupakan tujuan utama susunan dalil yang benar dibuat. Oleh itu, dalam perbahasan yang berkait dengan akidah, para ulama mutakallimīn mengutarakan dalil al-qiyās selepas perbahasan sifat sebagai

tangga untuk mengejapkan keyakinan dalam hati terhadap ketuhanan dan kenabian secara khususnya.

Al-Qiyās dari sudut bahasa ialah mengkadarkan sesuatu atas contoh sesuatu yang lain. Misalnya seperti mengukur panjang sesuatu kain ataupun baju dengan menggunakan ukuran sejengkal ataupun sehasta. Adapun al-qiyās menurut istilah *manṭiqiyyīn* ialah satu kata-kata yang diungkapkan ataupun satu kata-kata yang boleh difikirkan daripada premis-premis dan disusunkannya dengan gambaran dan cara yang tertentu (al-Mallawī, 2020). Kaedah qiyās ini menjadi satu perkara penting terhadap metodologi berhujah kepada pihak lawan khususnya bagi para ulama mutakallimīn. Karya yang menjadi tumpuan dalam makalah ini iaitu *Tījān al-Darārī* berdalilkan secara al-qiyās secara umumnya pada sifat ketuhanan dan dalam sifat Qudrah dan Irādah secara khususnya.

a) *Al-Qiyās dalam Sifat Qudrah*

Shaykh Nawawī al-Bantānī menyatakan pada akhir perbahasan sifat *Qudrah* Allah SWT berkenaan dengan hujah dan dalil sebagai bukti Allah SWT tidak bersifat dengan lemah. Beliau mengemukakan *burhān* tersebut sebagaimana berikut (al-Bantānī, t.th):

Premis Pertama	Jikalau ternafi sifat <i>Qudrah</i> daripada Allah SWT nescaya Allah SWT bersifat dengan sifat lemah.
Premis Kedua	Jikalau Allah SWT bersifat dengan sifat lemah nescaya tidak akan sama sekali ada sesuatu daripada makhluk ini.
Natijah	Jikalau ternafi sifat <i>Qudrah</i> daripada Allah SWT nescaya tidak akan sama sekali ada sesuatu daripada makhluk ini.

Jadual 1: Al-Qiyās bagi *burhān* sifat *Qudrah*

Beliau menyatakan hujah berbentuk *qiyās* terhadap setiap sifat Allah SWT secara berasingan termasuk sifat *Qudrah*. Kaedah *al-qiyās* yang diaplikasikan ini berbentuk *al-qiyās al-iqtirānī* di mana binaan dan susunan premis-premisnya berbentuk *al-sharṭiyyah al-muttaṣilah*. Pembentukan *qaḍiyah* seperti ini merupakan salah satu daripada enam bentuk *al-qiyās al-iqtirānī* (al-Anṣārī, 2020 & al-Mughnīsī, 2018). Muḥammad ‘Alīsh (2008) menyatakan bahawa *al-qiyās al-iqtirānī* merupakan suatu *al-qiyās* yang tidak disebutkan sama sekali natijahnya *bi al-fi’l* (secara langsung) bahkan ia terbina secara *bi al-quwwah* (secara tidak langsung) sahaja kerana mengandungi ayat-ayat yang terdapat dalam premis-premis yang dinyatakan.

Oleh itu, penafian sifat *Qudrah* Allah SWT ini akan menjadi perkara yang lazim terhadap penafian kewujudan makhluk. Tidak ada sesiapa yang mampu memikirkan secara logik akal bahawa terjadi sesuatu benda itu tanpa ada yang menciptakannya walaupun sekecil-kecil perkara apatah lagi seluas alam ini. Beliau menjadikan ayat ‘jikalau ternafi sifat *qudrah* daripada Allah SWT’ sebagai *al-ḥad al-aṣghar* yang bakal menjadi *mawḍū’* (subjek) bagi natijahnya (al-Shanqīṭī, 2007). Menurut al-Taftāzānī (2010), perkara tersebut dinamakan subjek bagi natijah kerana kebiasaannya ia merupakan perkara yang khusus menyebabkan sedikit *afrād* yang boleh memasuki di bawahnya. Hal ini dapat dibuktikan pada frasa ayat ini bahawa

kenyataan tersebut hanya tertentu kepada sifat *Qudrah* Allah SWT sahaja tanpa mengaitkan dengan sifat-sifat Allah SWT yang lain ataupun sifat *Qudrah* yang dimiliki oleh makhluk Allah SWT.

Kemudian, *al-ḥad al-awṣat* pada *al-qiyās* ini ialah ‘Allah SWT bersifat dengan sifat lemah’. Ia akan dibuang kerana terdapat pada kedua-dua premis tersebut secara berulang untuk menampakkan natijah yang dibina daripada premis-premis yang disebutkan (al-Sa‘dī, t.th). Adapun ‘tidak akan sama sekali ada sesuatu daripada makhluk ini’ merupakan *al-ḥad al-akbar* dalam premis kedua yang bakal menjadi *maḥmūl* (predikat) bagi natijah (Al-Kāfī, 2015). Disebutkan predikat bagi natijah itu sebagai *al-ḥad al-akbar* kerana kebiasaannya ia merupakan perkara yang lebih sehingga dapat mencakupi pelbagai *afrād* di bawahnya (al-Taftāzānī, 2010). Oleh sebab itu, penafian terhadap kewujudan makhluk itu umum kerana pelbagai benda boleh dimasukkan di bawah kategori makhluk seperti manusia, pokok, binatang, bumi dan sebagainya.

Shakl yang digunakan dalam *al-qiyās al-iqtirānī* ini ialah *shakl* yang pertama. Buktinya, *al-ḥad al-awṣat* berada pada *maḥmūl* premis yang pertama dan pada *mawḍū‘* premis yang kedua. Menurut para ulama mantik, susunan *al-qiyās al-iqtirānī* berdasarkan *shakl* yang pertama ini merupakan cara yang terbaik sehingga dinamakan sebagai *al-naẓm al-kāmil* (susunan yang sempurna) secara mutlak (al-Walālī, 2020, al-Darwī, 2020, al-Akhḍarī, 2020, Sa‘īd, 2020 & al-Qalyūbī, 2020). Bukan itu sahaja, bahkan para ulama *mutakallimīn* lain juga mengaplikasikan *shakl* ini kerana kelebihanannya pada menguatkan hujah yang didatangkan.

b) *Al-Qiyās dalam Sifat Irādah*

Shaykh Nawawī al-Bantānī juga meletakkan dalil terhadap pensabitan sifat *Irādah* Allah SWT dalam *Tījān al-Darārī* di akhir perbahasan berkenaan dengannya. Cara penghujahan beliau sama kaedahnya sepertimana berlaku pada sifat *qudrah* Allah SWT iaitu *al-qiyās al-iqtirānī* yang mengandungi *al-sharṭiyyah al-muttaṣilah* pada kedua-dua premis tersebut. Walaupun begitu, perbezaannya ialah jumlah *burhān* yang diaplikasikan dalam perbahasan sifat *irādah* ini dua berbanding dengan hujah pada sifat *qudrah* yang hanya menggunakan satu *al-qiyās* sahaja. Bukan itu sahaja, bahkan *al-qiyās* yang turut dikemukakan oleh al-Bantānī juga berbentuk *al-qiyās al-sharṭiyyah al-muttaṣilah*. Kenyataan *al-qiyās* yang pertama adalah sepertimana berikut (al-Bantānī, t.th):

Premis Pertama	Jikalau Allah SWT tidak bersifat dengan sifat <i>Irādah</i> nescaya Allah SWT bersifat dengan terpaksa yakni tiada kehendak.
Premis Kedua	Jikalau Allah SWT bersifat dengan terpaksa untuk melakukan sesuatu nescaya tidak akan sama sekali Allah SWT bersifat dengan sifat <i>Qudrah</i> .
Natijah	Jikalau Allah SWT tidak bersifat dengan sifat <i>Irādah</i> nescaya tidak akan sama sekali Allah SWT bersifat dengan sifat <i>Qudrah</i> .

Jadual 2.1: *Al-Qiyās* pertama bagi *burhān* sifat *Irādah*

Adapun kenyataan *al-qiyās* yang kedua adalah sebagaimana berikut (al-Bantānī, t.th):

Premis Pertama	Jikalau Allah SWT tidak sama sekali bersifat dengan sifat <i>Irādah</i> nescaya tiada suatu pun makhluk yang ada.
Premis Kedua	Akan tetapi tiada suatu pun makhluk yang ada ini mustahil
Natijah	Allah SWT bersifat dengan sifat <i>Irādah</i> .

Jadual 2.2: *Al-Qiyās* kedua bagi *burhān* sifat *Irādah*

Al-Qiyās yang pertama berteraskan *al-qiyās al-iqtirānī* yang mengandungi kedua-dua premis berbentuk *al-sharṭiyyah al-muttaṣilah*. *Al-Ḥad al-aṣghar* yang menjadi subjek pada natijah qiyas ini ialah kenyataan ‘jikalau Allah SWT tidak bersifat dengan sifat *Irādah*’ sedangkan *al-ḥad al-akbar* yang menjadi predikat bagi natijah qiyas yang pertama ini ialah ‘tidak akan sama sekali Allah SWT bersifat dengan sifat *Qudrah*. Perkaitan rapat antara sifat *Irādah* dan *Qudrah* menjadikan sebab penafian *Qudrah* akan terhasil apabila ternafinya juga *Irādah*. Hal ini kerana jika tidak ada satu pun keberadaan dan ketiadaan makhluk ini di bawah *ta’alluq* kehendak Allah SWT maka sudah pasti Allah SWT juga tidak mempunyai sifat *Qudrah* dengan pembuktian adanya alam sekarang ini melalui *mushāhadah* (persaksian). Oleh sebab itu, cara para ulama membahaskan sifat *Ma’ānī* secara *sabīl al-tadallī* (mengutamakan sifat *Qudrah* dalam perbahasan sifat *Ma’ānī*) itu menunjukkan perkaitan rapat antara *Qudrah*, *Irādah*, ilmu dan *Ḥayāh* secara ‘*aqliyyah* pada kewujudan makhluk.

Penafian ketiadaan makhluk ini dinafikan oleh beliau dengan membina satu *al-qiyās* lagi yang berbentuk *al-qiyās al-sharṭiyyah al-muttaṣilah* ataupun disebutkan juga sebagai *al-qiyās al-istithnā’iyyah al-muttaṣilah*. *Al-Qiyās* ini menyebutkan natijahnya secara langsung menerusi premis yang kedua secara jelas. Oleh itu, kemustahilan terhadap ketiadaan makhluk ini berlaku apabila jelas terbukti melalui pandangan zahir manusia bahawa sekarang memang wujudnya makhluk yang pelbagai. Dengan sebab ini akan terbatal hujah yang membawa kepada kemustahilan terhadap ketiadaan makhluk iaitu Allah SWT tidak mengadakannya dengan sebab lemah. Apabila sabit oleh kemustahilan lemahnya Allah SWT bahkan mensabitkan Allah SWT bersifat dengan *Qudrah* maka ia membawa kepada ternafinya Allah itu tiada kehendak kerana keberadaan makhluk melalui kuasa Allah SWT pasti akan melalui kehendakNya. Justeru itu, apabila ternafi Allah SWT terpaksa dengan makna tiada kehendak maka sabitlah lawannya iaitu sifat *Irādah*.

Dalil dalam akidah khususnya perkara yang berkait dengan ketuhanan dan kenabian kebiasaannya para *mutakallimīn* akan mengaplikasikan *al-qiyās* sama ada *al-qiyās al-iqtirānī* ataupun *al-qiyās al-sharṭī*. Hal ini dapat dibuktikan secara jelas dalam karya al-Sanūsī iaitu Umm al-Barāhīn yang menjadi rujukan dunia dalam akidah khususnya Alam Melayu. Beliau menghuraikan Sifat 20 bertunjangkan dalil secara *tafṣīlī* (terperinci) menerusi *al-qiyās al-iqtirānī* dan *al-qiyās al-sharṭī* (Al-Sharqāwī, 2013; Al-Dusūqī, 2013). Begitu juga yang dilakukan oleh para ulama Melayu Nusantara dalam karya-karya akidah mereka seperti *al-Dur al-Thamīn*, *Sirāj al-Hudā* dan sebagainya yang mengikuti jejak langkah al-Sanūsī dalam menyatakan dalil secara *al-qiyās*. Namun begitu, terdapat perbezaan antara sebahagian karya akidah tersebut dengan *Tījan al-Darārī* dalam menyatakan dalil atau *burhān Qudrah* dan

Irādah. Nawawī al-Bantānī menyatakan dalil secara *al-qiyās al-iqtirani* pada kedua-dua sifat tersebut sedangkan kebanyakan para ulama yang lain mengaplikasikan *al-qiyās al-sharī* pada kedua-dua sifat tersebut. Perkara ini tidak menafikan pendalilan beliau berbentuk *al-qiyās al-sharī* dalam sifat *Irādah*. Beliau mengaitkan hubungan antara sifat *Qudrah* dan *Irādah* dalam pendalilan sifat *Irādah* menerusi kaedah *al-qiyās al-iqtirānī*. Perkara ini berbeza dengan karya al-Sanusi tersebut dan para ulama lain yang mengikuti jejak langkahnya kerana mereka menyatakan pendalilan dengan menggabungkan sifat *Qudrah*, *Irādah*, Ilmu dan *Ḥayāh* sekaligus serta mengaitkannya dengan keberadaan alam.

KESIMPULAN

Sifat Ma‘ānī Allah SWT yang disabitkan oleh para ulama mutakallimīn sebagai perkara yang wajib dipelajari oleh setiap mukallaf ialah tujuh sifat. Dua metodologi ulama dalam menghuraikan tujuh sifat tersebut sama ada melalui sabīl al-tadallī (memulakan huraian sifat ma‘ānī dengan sifat *Qudrah*) atau sabīl al-taraqqī (memulakan huraian sifat Ma‘ānī dengan sifat *Ḥayāh*). Namun begitu, Shaykh Nawawī al-Bantānī mengaplikasikan kaedah sabīl al-tadallī dengan memulakan perbahasan sifat *Qudrah* terlebih dahulu sepertimana pengarang matan memulakan dengannya tanpa sebarang kritikan. Makalah ini menfokuskan dua sifat Ma‘ānī yang pertama iaitu *Qudrah* dan *Irādah* kerana dua sifat ini secara zahirnya berkait rapat secara langsung dengan keberadaan dan ketiadaan makhluk tanpa menafikan sifat ilmu dan *Ḥayāh* Allah SWT juga mendorong kepada kehendak dan kuasaNya dalam menciptakan alam semesta ini. Kaedah *al-qiyās* yang diaplikasikan dalam sifat *Qudrah* hanya satu sahaja iaitu *al-qiyās al-iqtirānī* shakl yang pertama yang mengandungi qāḍiyah al-sharṭiyyah al-muttaṣilah pada kedua-dua premis tersebut. Adapun pada sifat *Irādah*, beliau mengaplikasikan dua jenis *qiyās* iaitu *qiyās* yang serupa dengan sifat *qudrah* dan *al-qiyās al-sharṭiyyah al-muttaṣilah*. Kesemuanya ini untuk menguatkan pensabitan kedua-dua sifat tersebut dan kemustahilan lawan bagi kedua-duanya di samping tuntutan syarak untuk mengetahuinya berlandaskan dalil..

RUJUKAN

- ‘Abd al-Salām bin Ibrāhīm. t.th. *Ithāf al-Murīd bi Jawharah al-Tawhīd*. Beirut: Dār al-Daqa’iq.
- Ahmad Syatibi. 2004. *Jejak Syekh Nawawi al-Bantani*. Banten: Fajar Banten.
- Al-Akhḍarī, ‘Abd al-Rahmān. 2020. *Sharḥ al-Muṣannif ‘alā al-Sullam*. Lubnan: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Al-Anṣārī, Zakariya bin Muḥammad. t.th. *Al-Maṭla ‘Sharḥ Īsāghūjī fī ‘Ilm al-Manṭiq*. Damshiq: Dār al-Taqwā.
- Al-Bantānī, Muḥammad Nawawī bin ‘Umar. t.th. *Fath al-Majīd Sharḥ al-Dur al-Farīd fī ‘Aqā’id Ahl al-Tawhīd*. Surabaya: Dār ‘Alam.
- Al-Bantānī, Muḥammad Nawawī bin ‘Umar. t.th. *Tījān al-Darārī ‘alā Risālah al-‘Ālim al-‘Allāmah Ibrāhīm al-Bājūrī*. Surabaya: Dār al-‘Alam.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. 2012. *Sharḥ al-Sanūsiyyah*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. 2017. *Fath al-Qarīb al-Majīd bi Sharḥ Bidāyah al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd*. Kaherah: Dār al-Iḥsān li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. 2019. *Ḥāshiyah Taḥqīq al-Maqām ‘alā Kifāyah al-‘Awamm fīmā Yajibu ‘Alayhim min ‘Ilm al-Kalām*. Beirut: Dār al-Daqā’iq.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. t.th. *Tuḥfah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*. Indonesia: al-Haramayn.
- Chaedar Alwasilah. 2006. *Pokoknya Sunda: Interpretasi Untuk Aksi*. Bandung: Kiblat.
- Al-Damanhūrī, Shihāb al-Din Aḥmad bin ‘Abd al-Mun‘im. 2015. *Īdāḥ al-Mubham min Ma‘ānī al-Sullam*. Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Darwī, Khaṭṭab ‘Umar. 2020. *Taqārīr ‘alā Sharḥ al-Quwaysinī*. Lubnan: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad. 2013. *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā Sharḥ Umm al-Barāhīn*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Faiqah. 2015. Pemikiran Pendidikan Islam Syekh Nawawi al-Bantani dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Modern. *Jurnal al-Tajdid* 4(1): 1-10.
- Al-Faṭānī, Aḥmad bin Muḥammad Zayn. t.th. *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id*. Patani: Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Faṭānī, Dawūd bin ‘Abd Allah. t.th. *Al-Dur al-Thamīn*. Patani: Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Faṭānī, Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad. t.th. *Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn*. Patani: Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Islah Gusmian, Ari Himawati, Tsalis Muttaqin, Waryunah Irmawati, Siti Nurlaili Muhadiyatiningsih, Kasmuri & Syamsul Bakri. 2014. Pemikiran Syekh Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hukum Islam (Tentang Taklif dan Mukalaf). *Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*. 6(2): 16-35.
- Iwantoro. 2019. Pendidikan Akhlak Dalam Perspektif Syekh Nawawi al-Bantani al-Jawi. *Journal of Islamic Education* 4(2): 153-163.
- Karel A. Steenbrink. 1984. *Beberapa Aspek tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*. Jakarta: Kafir.
- Al-Kāṭī, Ḥusām al-Dīn Ḥasan. 2015. *Sharḥ Matn Īsāghūjī fī al-Manṭiq*, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Laḡnī, Ibrāhīm. 2019. *Hidāyah al-Murīd li Jawharah al-Tawḥīd*. Kaherah: Dār Mīrāth al-Nubuwwah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Maghniṣī, Maḥmūd bin Ḥāfiẓ Ḥasan. 2018. *Mughnī al-Ṭullāb Sharḥ Matn Īsāghūjī fī ‘Ilm al-Manṭiq*. Damsyik: Dār al-Fayḥā‘.
- Al-Mallawī, Aḥmad bin ‘Abd al-Fattāḥ. 2020. *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr li al-Mallawī ‘alā al-Sullam al-Murawnaq*. Beirut: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Mohd Fikri Che Hussain, Zahid Salleh & Ahmad Irdha Mokhtar. 2013. Sumbangan Karya Penulisan Ulama Nusantara Terhadap Dunia Islam: Tumpuan Syekh Nawawi al-Bantani al-Jawi. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*, hal. 127-136.
- Muḥammad Muḥyi al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. 2019. *al-Nazzām al-Farīd bi Taḥqīq Jawharah al-Tawḥīd*. Beirut: Dār al-Daqā’iq.
- Al-Qalyūbī, Aḥmad. 2020. *Al-Durrah al-Bahiyyah Sharḥ al-Muqaddimah al-Īsāghūjiyyah*. Damsyik: Dār al-Taḥqīq.
- Al-Quwaysinī, Ḥasan Darwīsh. t.th. *Sharḥ al-Shaykh Ḥasan Darwīsh al-Quwaysinī ‘alā al-Sullam fī al-Manṭiq*. Indonesia: al-Haramayn.

- Al-Ṣabbān, Muḥammad bin ‘Alī. 2020. *Hāshiyah al-Ṣabbān ‘alā al-Sharḥ al-Ṣaghīr li al-Mallawī ‘alā al-Sullam al-Murawnaq*. Beirut: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Mālik. t.th. *Al-Sharḥ al-Wāḍiḥ al-Munsiq li Naẓm Sullam al-Murawnaq*. t.tp: Dār al-Nūr.
- Sa‘īd bin Ibrāhīm Qadūrah. 2020. *Sharḥ Sa‘īd Qadūrah ‘ala al-Sullam*. Lubnan: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Salman Harun. 2000. *Mutiara Surat al-Fatihah: Analisis Tafsir al-Fatihah Syekh Nawawi Banten*. Jakarta: Kafur.
- Samsul Munir Amin. 2008. *Karomah Para Kiyai*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Samsul Munir Amin. 2009. *Sayyid Ulama Hijaz Biografi Syaikh Nawawi al-Bantani*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf. 2013. *Sharḥ Umm al-Barāhīn*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Shanqīṭī, Muḥammad bin Maḥfūz. 2007. *Al-Ḍaw’ al-Mashriq ‘alā Sullam al-Manṭiq*. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sharqāwī, ‘Abd Allāh Ḥijāzī. 2013. *Hāshiyah al-Sharqāwī ‘alā al-Hidhidī Sharḥ Umm al-Barāhīn*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Sholeh Fikri & Siti Rugayah Tibek. 2013. Peranan Ulama Nusantara Abad ke-18 dalam Dakwah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*, hal. 267-272.
- Al-Suḥaymī, Aḥmad. t.th. *Al-Muqtada ‘alā al-Hidhidī Sharḥ Umm al-Barāhīn*. Patani: t.pt.
- Al-Suktānī, ‘Isā bin ‘Abd al-Raḥmān. 2021. *Hāshiyah al-Suktānī ‘alā Sharḥ Umm al-Barāhīn*. Kaherah: Dār al-Ṣalīh.
- Al-Sumbāwī, Muḥammad Zayn al-Dīn. t.th. *Sirāj al-Hudā*. Patani: Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn. 2010. *Sharḥ al-Imām Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī ‘alā al-Shamsiyyah fī al-Manṭiq li al-Imām Kātibī*. t.tp: Dār al-Nūr.
- ‘Umar ‘Abd al-Jabbār. 1982. *Siyar wa Tarājim Ba‘dh ‘Ulamāinā fī al-Qarn al-Rābi ‘Ashar li al-Hijrah*. Jeddah: Tihama.
- Al-Urmī, Muḥammad al-Amīn bin ‘Abd Allah. 2015. *Al-Kawkab al-Mashriq fī Samā ‘Ilm al-Manṭiq ‘alā al-Sullam al-Munawraq*. Riyadh: Dār al-Minhāj.
- Al-Walālī, Aḥmad bin Ya‘qūb. 2020. *Al-Qawl al-Musallam fī Taḥqīq Ma‘ānī al-Sullam*. Lubnan: Dār Taḥqīq al-Kitāb.
- Widiyarti & Rohmah Maulidia. 2021. Argumentasi Syekh Nawawi bin Umar al-Bantani Tentang Kedudukan Perempuan Dalam Keluarga: Kajian Fiqh Kesetaraan. *Indonesian Journal of Gender Studies* 2(1): 59-81.
- Yasin. 2007. *Melacak Pemikiran Syaikh Nawawi al-Bantani*. Semarang: Rasail Media Group.